

KELOMPOK (Part 2)

Rahimei Mohd Iqbal B. Abdul Malik, Rustam Bin Hashim & Syed Syamsul Faizal Bin Syed Zakariya

Ciri-ciri Kelompok.

Secara umumnya, kelompok mempunyai 4 ciri yang berkaitan iaitu :

1. Saiz

Saiz kelompok merujuk kepada bilangan ahli yang menganggotai kelompok tersebut. Sebagai contoh keahlian dalam sesuatu kelab atau persatuan yang memerlukan penyertaan ahli untuk mengerakkan aktiviti persatuan mahupun kelab. Ini bukan sahaja untuk keahlian malahan membantu dalam perkongsian maklumat dan penyelesaian masalah. Penyelesaian masalah dalam sesuatu kelompok biasanya dilakukan dalam bentuk mesyuarat, perbincangan atau menggunakan teknik sumbang saran. Menurut Osborn (1963) yang memperkenalkan teknik sumbang saran (brainstorming) dalam proses penyelesaian masalah berpendapat bahawa saiz optimum kelompok sumbang saran ialah di antara lima hingga sepuluh orang. Keahlian bagi sesuatu kelompok amat penting dalam mencapai matlamat yang diinginkan oleh kelompok tersebut. Terdapat juga kajian yang menyatakan bahawa secara umumnya bilangan ahli dalam kelompok kecil ialah di antara tiga hingga sepuluh orang sahaja. Saiz kelompok juga memberikan kesan yang besar dalam mempengaruhi interaksi kelompok dan menentukan keputusan yang akan dicapai oleh sesuatu kelompok. Cara terbaik yang dapat diterangkan ialah sekiranya sesebuah persatuan yang hanya mempunyai dua orang keahlian maka pertikaian pendapat dan ketidak capaian keputusan sukar untuk dicapai, dan sekiranya ada pertambahan ahli maka suara majoriti masih relevan dan boleh digunakan.

2. Komunikasi

Komunikasi boleh didefinisikan kaedah penyampaian maklumat melalui secara lisan atau bukan lisan. Secara khususnya, komunikasi boleh dipecahkan kepada :

- i. Intra-personal \Leftrightarrow *verbal, nonverbal, simbolik, secara spontan, satu dengan satu/kelompok*
- ii. Intra-personal \Leftrightarrow *self-talk*
- iii. Bertulis \Leftrightarrow buku, diagram, bahan cetakan.
- iv. Gambaran \Leftrightarrow rekabentuk, pembelajaran dari pemerhatian, analisis video.

v. Nonverbal \Rightarrow tingkah laku, bahasa tubuh (gerak badan, airmuka), karektor.

Oleh itu rangkaian komunikasi amat penting dalam mempengaruhi tingkah laku ahli dalam kelompok. Ini terjadi antara sesama ahli atau ahli dengan organisasi atasan dalam sesebuah kelompok. Komunikasi akan menjadi rumit sekiranya tiada kaedah yang efisen dilakukan dalam penyampaian maklumat bagi sesebuah kelompok. Sebagai contoh, sekiranya pengurus Kelab Penyayang ingin menyatakan ketidakpuasan terhadap tahap disiplin sebilangan ahlinya, maka beliau menyatakan pada sesetengah individu ahli dengan harapan maklumat itu boleh disampaikan kepada ahli yang dimaksudkan. Ini sekaligus mendorong berlakunya terhadap penyebaran maklumat yang tidak sekata dalam kelompok bawahannya.

3. *Kohensif*

Tahap kelekatan ahli dalam sesebuah kelompok dikenali sebagai kohensif. Kelekatan yang dimaksudkan ialah sejauh mana tahap keakraban ahli kelompok dalam mencapai matlamat. Ini dapat dinilai dan diukur dengan bagaimana ahli kelompok saling menyukai dan mempunyai matlamat yang sama. Ini mencerminkan bahawa ikatan ahli kelompok yang mempunyai kohensif yang tinggi dapat bertahan lama dan mempunyai ikatan yang teguh. Ini disebabkan adanya persefahaman dan matlamat yang sama dalam sesuatu kelompok. Sebagai contoh, Abu, Ahmad, Bakar dan Dahlan sangat akrab dan sentiasa bersama kerana mereka berempat mempunyai minat dan matlamat yang sama dalam kumpulan mereka. Oleh itu, kohensif merupakan salah satu faktor penting dalam menentukan kewujudan sesuatu kelompok. Jika nilai kohensif sesuatu kelompok rendah maka perpecahan dan pertelingkahan akan berlaku. Ini disebabkan berlakunya ketidakpuasan berlawan pihak dan mereka tidak mempunyai matlamat yang sama biarpun berada dalam kelompok yang sama. Kesan yang diperolehi dari nilai kohensif yang tinggi adalah berlakunya peningkatan produktiviti. Peningkatan produktiviti ini terjadi dari ahli yang sama-sama bergabung tenaga untuk mencapai matlamat bersama. Kelekatan ahli yang baik akan menghasilkan keharmonian dalam kelompok tersebut.

4. *Prestasi*

Prestasi kelompok bergantung kepada banyak faktor. Ini kerana prestasi yang dimaksudkan memberi maksud yang mendalam bagi sesebuah kelompok. Ciri ini sekaligus menjadi pengukur kepada kelompok adakah kelompok itu mempunyai prestasi

yang baik atau sebaliknya. Sebagai contoh, sebuah syarikat telah memecat sebilangan pekerja. Jika dilihat dari sudut keahlian maka syarikat itu akan dianggap mengalami penurunan prestasi dalam kelompoknya. Namun, jika dikaji dari sudut penggunaan tenga yang efisen maka pemecatan pekerja tersebut mungkin didorong oleh peningkatan kualiti syarikat yang semakin baik. Tindakan syarikat tersebut memecat pekerja adalah bagi mengelakkan berlakunya pembaziran tenaga kerja dan sikap malas yang telah dilakukan oleh bekas pekerja. Keperluan pekerja yang rajin, komited dan dedikasi mendorong syarikat menstrukturkan semula syarikat untuk terus meningkatkan prestasi.